

meriwayatkan kepada kami daripada az-Zuhri hadits yang sama dengan hadits sebelumnya.⁵⁸ Katanya: 'Ubaidullah bin 'Abdillah meriwayatkan kepada saya

ataupun صحيح yang bermaksud betul dan benar. Antara tujuan ia diletakkan di antara dua saluran sanad ialah untuk: (a) Menjelaskan bahawa rantai sanad yang dikemukakan adalah betul. Pengarang kitab tidak terkeliru. Oleh itu tidaklah wajar dikatakan sebahagian sanadnya tidak ada atau matannya telah gugur. (b) Mengingatkan bahawa matan hadits bagi sanad yang terhenti sebelum simbol صح itu sama saja dengan matan hadits bagi sanad yang tersebut selepasnya. Matan hadits bagi kedua-dua sanad itu ialah yang tersebut di hujung sanad kedua. Hafiz Abu 'Utsman as-Shaabuni, Hafiz Abu Muslim 'Umar bin 'Ali al-Laitsi dan Muhaddits Abu Sa'ad al-Khalili malah menggantikan terus simbol ح dengan صح di dalam tulisan-tulisan mereka. Para 'ulama' hadits yang mengatakan ia sebenarnya خ bukan ح pula terbahagi kepada dua kumpulan dalam menentukan maksudnya. (a) Ia mengisyratkan kepada إسناد آخر (ini isnad lain pula) atau (b) Ia mengisyratkan kepada اقرأ إلى آخره (bacalah hingga ke akhir isnad / hadits). Bagaimanapun kebanyakan 'ulama' lebih cenderung kepada pendapat kumpulan pertama yang mengatakan huruf ح tersebut adalah ringkasan kepada perkataan تحويل yang membawa maksud pemalingan. Kebanyakan mereka menyebutnya dengan sebutan حا (Ha) setiap kali sampai kepadanya.

⁵⁶ Beliau ialah Bisyr bin Muhammad as-Sakhtiyaani. Abu Muhammad adalah kuniahnya. Imam Bukhari sahaja di antara enam pengarang kitab utama hadits mengambil hadits daripada beliau. Ibnu Hibbaan menyenaraikan nama beliau dalam senarai orang-orang tsiqah di dalam Kitab at-Tsiqaatnya. Dalam masa yang sama Ibnu Hibbaan menyebutnya sebagai seorang Murji'ah. Bisyr meninggal dunia pada tahun 224H.

⁵⁷ Beliau ialah Ma'mar bin Raasyid al-Azdi, Abu 'Amar al-Bashri. Pernah tinggal di Yaman dan beliau dianggap sebagai salah seorang yang alim di sana. 'Abdur Razzaaq as-Shan'aani berkata: "Saya telah menerima sepuluh ribu hadits daripada beliau." Ma'mar meriwayatkan hadits daripada sekian ramai tabi'in. Dari kalangan generasi tabi'in juga ramai orang telah menerima hadits daripada beliau. Secara umumnya beliau dianggap sebagai seorang tsiqah. Tetapi riwayatnya daripada Tsaabit, A'masy, dan Hisyaam bin 'Urwah dipertikaikan oleh sesetengah 'ulama'. Riwayat-riwayatnya di Bashrah juga dipertikaikan oleh mereka. Ma'mar meninggal dunia pada tahun 154H ketika berumur 58 tahun.

⁵⁸ Di dalam sanad yang kedua ini Imam Bukhari menggunakan satu Istilah ilmu hadits, iaitu; نحوه (Nahwahu). Istilah ini sering diterjemahkan dengan 'seumpamanya' atau 'sepertinya'. Terjemahan ini sebenarnya tidaklah menepati maksud asalnya. Kerana terdapat satu lagi istilah yang juga sering diterjemahkan dengan 'seumpamanya' atau 'sepertinya'. Istilah tersebut ialah مثله (Mitslahu). Sedangkan terdapat perbezaan yang jauh di antara ma'na Nahwahu dan Mitslahu itu. Di dalam istilah ilmu hadits, Nahwahu bererti sesuatu hadits diriwayatkan melalui sanad kedua atau sanad yang lain dengan ada sedikit sebanyak perbezaan pada lafaz matannya daripada matan hadits bagi sanad yang pertama. Tetapi ma'na kedua-duanya tetap sama. Perbezaan lafaz kedua-duanya mungkin hanya terletak pada satu titik, baris (harakat), perkataan, ayat atau lain-lain seumpamanya saja. Namun ia tidaklah membawa kepada perbezaan ma'na di antara kedua-dua riwayat hadits tersebut. Perkataan Mitslahu pula bererti lafaz matan bagi kedua-dua hadits daripada dua sanad atau lebih itu sama dan tidak mempunyai sebarang perbezaan. Oleh itu terjemahan yang tepat untuk نحوه ialah hadits yang sama dengan hadits sebelumnya.

(diambilnya riwayat ini) daripada Ibnī `Abbaas, katanya: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. adalah orang yang paling pemurah.⁵⁹ Sifat pemurah Baginda s.a.w. itu lebih ketara lagi di

⁵⁹ Hadits ini menggambarkan Nabi s.a.w. sebagai seorang yang amat pemurah. Namun Bahasa `Arab adalah satu bahasa yang amat kaya dengan perbendaharaan kata. Kadang-kadang tidak mudah untuk dipadankan ma`na perkataannya dengan ma`na perkataan Bahasa Melayu dengan tepat. Sebagai contohnya definisi kepada perkataan pemurah, dermawan dan sebagainya di dalam Bahasa Melayu adalah berkaitan dengan kebaikan hati seseorang dalam menghulurkan bantuan atau sumbangan berupa harta benda atau barangan material sahaja. Perkataan سخاوة dalam Bahasa Arab adalah paling tepat untuk membawa maksud itu. Hadits yang sedang dibicarakan sekarang tidak pula menggambarkan Nabi s.a.w. sebagai أسخى الناس, sebaliknya أجود الناس. Kata terbitan bagi perkataan أجود adalah جود (kemurahan). Perkataan ini tidak hanya bermaksud kemurahan hati dalam menghulurkan bantuan berupa mata benda sahaja, malah ia mengandungi ma`na yang lebih luas lagi daripada itu. Ia merangkumi ma`na-ma`na lain, seperti memberi tanpa diminta, supaya peminta terhindar daripada kehinaan meminta. Memberi dengan banyak, sehingga memenuhi keperluan orang yang diberi. Memberi apa yang patut diberi kepada orang yang patut menerimanya, memberi tanpa mengharapkan sebarang balasan dan sebagainya. Perkataan ini juga mengandungi ma`na kemurahan dalam memberi ilmu, pertolongan, bimbingan, pengajaran, ketenangan jiwa dan sebagainya. Definisi yang tepat dalam menggambarkan ma`na جود ialah seperti yang diberikan oleh al-Kirmaani: إعطاء ما ينبغي لمن ينبغي (Memberi apa yang patut diberi kepada orang yang patut menerimanya). Jelas ia tidak terikat dengan mata benda semata-mata. Orang yang diberi pula tidak hanya terhad pada orang-orang yang miskin sahaja. Contohnya jika seseorang menghulurkan bantuan dalam bentuk pakaian kepada orang yang lebih memerlukan bantuan kewangan, ia sudah dikira termasuk dalam kalangan orang yang pemurah dan سخي. Tetapi ia belum boleh dianggap sebagai seorang جواد iaitu seorang yang mempunyai sifat Jud. Kerana orang yang mempunyai sifat jud tidak akan memberikan pakaian kepada orang yang lebih memerlukan bantuan kewangan. Kepada orang yang memerlukan bantuan kewangan dia tentu akan memberikan wang, bukan pakaian. Apa yang patut dan perlu diberikan kepada orang-orang jahil ialah ilmu, bukan makanan. Orang yang memberikan makanan kepada orang-orang jahil mungkin seorang sakhi. Tetapi sudah tentu dia bukan seorang jawaad. Definisi الجود yang diberikan oleh Maulana Muhammad A`la at-Thaanwi pula adalah seperti berikut: إفادة ما ينبغي لا لعوض (Memberi apa yang patut diberi tanpa mengharapkan sebarang balasan atau bayaran). Sifat jud berdasarkan definisi ini mengandungi juga erti keikhlasan dalam menyumbangkan sesuatu. Selain itu tapak bagi sifat jud ialah kekayaan jiwa. Kekayaan jiwa adalah satu malakah (ss yang telah menjadi seperti naluri di dalam jiwa manusia). Berbeda dengan سخاوة, kerana tapaknya ialah adanya mata benda yang hendak diberi di tangan. Ia tentunya bukan merupakan sesuatu yang tetap dan melekat di jiwa. Kemurahan hati Nabi s.a.w. dalam menghulurkan kasih sayang, ilmu pengetahuan dan sumbangan-sumbangan lain berupa harta benda juga tidak ada tolok bandingnya. Kisah-kisah kemurahan hati Baginda tergambar dengan cukup jelas dan terdapat dengan banyak sekali di dalam hadits-hadits. Antaranya: (1) Nabi s.a.w pernah pada suatu hari dilihat tergesa-gesa bangun dari tempat duduk Baginda sebaik sahaja selesai menunaikan sembahyang `Ashar. Baginda s.a.w. terus meluru ke dalam rumah. Para sahabat kehairanan dengan kelakuan Baginda itu. Mereka menunggu dengan penuh minat dan tertanya-tanya, apakah

gerakan kejadian yang akan berlaku seterusnya. Tidak lama kemudian, Nabi s.a.w. keluar dari rumah sambil membawa sejumlah wang emas. Dinyatakan kepada para sahabat, bahawa Baliau s.a.w. takut terlupa tentangnya. Resah Baliau s.a.w. selagi ia tidak dibahagi-bahagikan kepada orang ramai. Maka wang emas tersebut dibahagi-bahagikanlah semuanya kepada para sahabat.

(2) Pernah pada suatu ketika Nabi s.a.w. dibawakan wang tunai dari Bahrain berjumlah seratus ribu dirham. Lantas pada ketika itu juga Baginda membahagi-bahagikannya di dalam masjid sehingga habis kesemuanya tanpa meninggalkan satu dirham pun untuk dibawa pulang ke rumah isteri-isteri Baginda s.a.w.

(3) Nabi s.a.w. pernah dihadihkan satu persalinan yang sangat cantik. Ia ditenun khusus oleh seorang sahabat wanita untuk Baginda s.a.w. Sudah menjadi kebiasaan Rasulullah s.a.w, kalau diberikan pakaian atau benda-benda lain, Baginda s.a.w. akan memakai atau menggunakan apa yang dihadihkan itu sebagai bukti penghargaan terhadap pemberinya. Tiba-tiba ia dilihat oleh seorang sahabat. Sambil memuji-muji kecantikan pakaian Baginda, dia meminta agar Baginda s.a.w. menghadihkan pula pakaian itu kepadanya. Tanpa membuang masa, Nabi s.a.w. terus masuk ke dalam rumah dan menyalin pakaian yang lain. Lantas keluar membawa pakaian yang cantik itu untuk dihadihkan kepada sahabat yang meminta tadi. Melihat kejadian tersebut, para sahabat yang lain terus menegur perbuatan sahabat berkenaan sebaik sahaja dia berlalu dari sisi Rasulullah s.a.w. Mereka meluahkan rasa kecewa dan terkilan mereka terhadap perbuatannya. Kerana menurut mereka Nabi s.a.w. tidak pernah menolak apa sahaja permintaan orang, walaupun Baginda amat memerlukannya. Maka sebagai menjawab teguran para sahabat terhadapnya, sahabat tadi menjelaskan bahawa tujuan beliau meminta pakaian tersebut bukanlah untuk dipakai semasa hayatnya, tetapi untuk menjadikan pakaian yang telah menyentuh kulit Rasulullah s.a.w. itu sebagai kain kafan yang akan membaluti jasadnya kelak. Mendengar jawapan tersebut para sahabat yang lain terpegun akur.

(4) Di sebalik suka memberi, Nabi s.a.w. pula tidak suka meminta. Sekiranya memerlukan sesuatu seperti wang, bekalan makanan dan sebagainya, sama ada untuk memenuhi keperluan sendiri atau untuk dibahagi-bahagikan kepada orang lain, Baginda tidak akan meminjamnya daripada para sahabat. Sebaliknya Baginda akan meminjamnya daripada orang-orang kafir. Selain daripada untuk menyatakan bahawa hukum bemu'amalah dengan orang-orang bukan Islam adalah harus, tujuan Baginda melakukan demikian adalah untuk mengelak daripada dibantu oleh para sahabat. Ini kerana Nabi s.a.w. sedar, sekiranya para sahabat mengetahui bahawa Baginda memerlukan bantuan kewangan, tentulah mereka akan berebut-rebut untuk menghulurkannya secara percuma. Pernah di suatu ketika, Nabi s.a.w. menolak pemberian sahabat yang paling dikasihinya iaitu Saiyyidina Abu Bakar r.a., sewaktu Baginda hendak berhijrah. Abu Bakar r.a. secara diam-diam telah menyediakan dua ekor unta yang diberi makanan secukupnya, di samping segala kelengkapan yang diperlukan oleh orang yang hendak berjalan jauh. Apabila tiba waktunya untuk berhijrah, Abu Bakar ingin menghadihkannya kepada Nabi s.a.w. Tetapi ditolak oleh Baginda. Baginda s.a.w. berkeras tidak mahu menerimanya tanpa bayaran. Demikianlah sikap Nabi s.a.w. Walaupun dalam keadaan amat genting seperti itu, Baliau s.a.w. tetap tidak mahu menerima sebarang bantuan, meskipun daripada orang yang paling dipercayainya.

(5) Orang yang sering ditugaskan untuk berhutang bagi pihak Baginda s.a.w. ialah Bilal r.a. Menurut satu kisah yang tercatat dengan panjang lebar di dalam Sunan Abi Daud, Musnad al-Bazzaar, al-Mu'jam al-Kabir at-Thabaraani, Sunan al-Baihaqi dan lain-lain, Bilal sendiri menceritakan. Berikut adalah teks riwayat Abi Daud bersama-sama dengan terjemahannya: حَدَّثَنَا أَبُو الرَّبِيعِ بْنُ نَافِعٍ حَدَّثَنَا مُعَاوِيَةُ بْنُ عَمِيْرِ بْنِ

kepada rasulNya sebanyak yang dapat melangsaikan hutangku itu. Aku pulang ke rumah dan tidur dalam keadaan pedang, beg, kasut dan perisaiku semuanya siap berada di tepi kepalaku. Bila fajar pertama menyingsing dan aku sudah bersiap sedia untuk berangkat, tiba-tiba ada seseorang, sambil berlari-lari dia memanggilku: "Wahai Bilal! Rasulullah menjemputmu." Terus aku pergi kepada Baginda s.a.w. Aku dapati ada empat ekor unta yang sarat dengan muatan barang-barang berharga sedang duduk (di pekarangan rumah / masjid Baginda s.a.w.). Aku meminta izin untuk bertemu dengan Rasulullah s.a.w. Kata Rasulullah s.a.w. kepadaku: "Bergembiralah, sesungguhnya Allah telah membawa datang harta yang dapat melangsaikan hutangmu." Kemudian Baginda s.a.w. bersabda: "Tak nampakkah empat ekor unta yang sedang duduk itu?" Jawab saya: "Nampak." Baginda s.a.w. bersabda lagi: "Ambillah unta-unta itu dengan segala muatannya. Di atasnya itu ada pakaian dan makanan. Pembesar Fadak telah menghadiahkannya kepadaku. Ambillah semuanya dan bayarlah hutangmu. Saya buat saja apa yang disuruh Rasulullah s.a.w. itu. Bilal menyambung lagi ceritanya: "Kemudian saya kembali semula ke masjid. Rasulullah s.a.w. pada ketika itu sedang duduk di dalam masjid. Saya memberi salam kepadanya. (Setelah menjawab salam) Rasulullah s.a.w. bertanya: "Bagaimana dengan barang-barang itu, cukupkah ia untuk melangsaikan hutang?" Jawab saya: "Allah telah melunaskan segala hutang yang ditanggung Rasulullah s.a.w. Tidak ada lagi yang tidak tertunai." Tanya Rasulullah s.a.w. seterusnya: "Ada lagikah bakinya?" Saya jawab: "Ada". Kata Baginda s.a.w. lagi: "Tengoklah (siapa lagi yang memerlukannya dan apa lagi yang boleh dibuat dengannya), habiskan semuanya. Biar senang hatiku. Aku tidak akan masuk ke dalam mana-mana rumah isteriku selagi engkau tidak menghabiskannya." Setelah selesai bersembahyang 'Isyaa', Rasulullah s.a.w. bertanya: "Bagaimana dengan barang-barang itu?" Jawab saya: "Ia masih ada dengan saya. Tidak ada sesiapa pun datang (meminta apa yang diperlukannya)." Maka pada malam itu Rasulullah s.a.w. bermalam di masjid. Bilal meneruskan ceritanya: "Setelah selesai bersembahyang 'Isyaa' pada malam keesokannya, Nabi s.a.w. memanggil saya dan bertanya: "Bagaimana dengan barang-barang itu?" Jawab saya: "Allah telah menyenangkan hatimu. Semuanya sudah habis wahai Rasulullah!" Ketika itu barulah Baliau s.a.w. bertakbir dan memuji-muji Allah. Semua itu dilakukan Baginda s.a.w. kerana takut mati dalam keadaan barang-barang itu masih lagi ada padanya. Kemudian saya mengikut Rasulullah s.a.w. yang pulang ke rumahnya. Apabila sampai kepada isteri-isterinya, Baginda memberi salam kepada setiap orang daripada mereka, lalu akhirnya pergilah Baginda s.a.w. kepada isteri yang seharusnya Baginda s.a.w. bermalam di rumahnya. (Lihat Sunan Abi Daud, j.8 m/s 296). (6) Pernah sewaktu Nabi s.a.w. sedang berjalan sambil membahagi-bahagikan harta kepada orang ramai, selimut Baginda disentak dengan kuat oleh seorang Arab badwi dari belakang. Kesan daripada sentapan yang kuat itu leher Baginda s.a.w. telah tercalar. Rasulullah s.a.w. berpaling ke arahnya. Rupa-rupanya dia meminta supaya dia juga diberikan sesuatu. Sambil tersenyum Baginda memerintahkan supaya diberikan sesuatu kepadanya. (7) Ketika pulang dari perang Hunain, Nabi s.a.w. dikerumuni oleh orang-orang hulu. Mereka meminta dan mendesak Baginda agar memberikan binatang ternakan hasil rampasan perang. Oleh kerana jumlah mereka agak ramai, keadaan menjadi tidak terkawal, hingga akhirnya Baginda terhundur ke belakang kerana dihipit oleh mereka dan selimut Baginda s.a.w. tersangkut di satu pokok samurah (sejenis pokok yang banyak durinya). Sambil berkata: "Berikan kepadaku selimutku itu, Baginda s.a.w. juga bersabda: "Andaikata aku mempunyai sebanyak duri-duri pokok samurah di kawasan ini, niscaya akan ku bahagi-

bulan Ramadhan, ketika Jibril menemuinya.⁶⁰ Jibril menemui Baginda s.a.w. pada setiap malam di bulan Ramadhan.⁶¹ Pada ketika itulah dia (Jibril a.s.) bertadarus al-Qur'an

bahagikannya kepadamu. Ketika itu baru kamu tahu aku bukan seorang kedekut, pendusta dan pengecut. Demikianlah sebilangan kecil kisah kemurahan hati Nabi s.a.w. dalam menghulurkan harta benda. Namun kemurahan Baginda tidak terhenti setakat itu sahaja. Dalam menyebarkan ilmu dan hidayah Allah, kesungguhan untuk memberikannya kepada umat tidak dapat dicari tolokandingannya. Lihatlah lembaran sejarah perjuangan awal Baginda di Makkah, tentu anda akan dapati betapa kasihnya Nabi s.a.w. terhadap umatnya, walaupun Baginda menghadapi pelbagai tentangan. Telusurilah sejarah hidup Nabi s.a.w. dan carilah kisah da'wah Baginda kepada Abu Jahal dan Abu Lahab. Walaupun dicerca dan dihina, dihalau dan diejek setiap kali bertandang ke rumah mereka, Nabi s.a.w. tetap mengunjungi mereka dan menda'wah mereka. Dalam menyampaikan ilmu pula, tidak ada waktu Nabi s.a.w. yang berlalu dengan sia-sia, melainkan kesemuanya menjadi punca ilmu untuk umatnya. Namun malang sekali, kerana ada sesetengah orang yang tidak mengerti telah menda'wa bahawa Nabi s.a.w. tidak menyampaikan semua ilmunya kepada umat. Sebaliknya ada ilmu yang Baginda hanya perturunkan kepada anak cucunya sahaja. Da'waan pandir seperti ini asalnya berpunca daripada fahaman syi'ah yang sesat. Kemudian ia disambut pula oleh orang-orang Tasauf yang hilang punca dalam mencari susur galur silsilah ilmu tersebut. Mereka menda'wa bahawa ilmu tasauf hanya diterima oleh Saiyyidina 'Ali seorang sahaja. Para sahabat yang lain tidak tahu menahu langsung tentang wujudnya ilmu ini. Lebih memeningkan lagi, Saidina 'Ali pula hanya memperturunkan ilmu ini kepada seorang muridnya sahaja iaitu Hasan al-Basri. Sedangkan mengikut para penyelidik, Hasan al-Basri tidak pernah bertemu pun dengan Saidina 'Ali. Kalau diandaikan mereka berdua sempat berjumpa sekalipun, usia Hasan pada ketika itu masih di peringkat kanak-kanak lagi. Jadi itulah sebabnya kita dapati terlalu banyak penyimpangan dan kekarutan bersarang di dalam ajaran yang kononnya disembunyikan ini. Sedangkan agama Islam adalah satu agama yang sangat jelas sumbernya. Dalam menjelaskan bahawa agama ini diperturunkan melalui jalan yang cukup terang, Nabi s.a.w. telah bersabda: *قَدْ تَرَكْتُكُمْ عَلَى الْبَيْضَاءِ لَيْلَهَا كَنَهَارُهَا لَا يَزِيغُ عَنْهَا بَعْدِي إِلَّا هَالِكٌ مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ قَدْ تَرَكَكُمْ عَلَى الْبَيْضَاءِ لَيْلَهَا كَنَهَارُهَا لَا يَزِيغُ عَنْهَا بَعْدِي إِلَّا هَالِكٌ مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ قَدْ تَرَكَكُمْ عَلَى الْبَيْضَاءِ لَيْلَهَا كَنَهَارُهَا لَا يَزِيغُ عَنْهَا بَعْدِي إِلَّا هَالِكٌ* Bermaksud: Aku tinggalkan kamu di atas agama yang terang benderang, malamnya seperti siang. Tidak ada orang yang menyimpang daripada jalan itu sesudahku, melainkan ia binasa. Sesiapa yang hidup di antara kamu nanti, ia akan melihat banyak sekali perselisihan. Oleh itu kamu hendaklah mengikut sunnahku yang sedia dima'lumi dan sunnah Khulafa' ar-Raasyidin al-Mahdiyyin. (Hadits riwayat Ahmad, Ibnu Majah, at-Tabaraani dan lain-lain).

⁶⁰ Antara faktor yang menyebabkan kemurahan Baginda s.a.w. semakin bertambah pada bulan Ramadhan, sebagaimana yang telah disimpulkan oleh para 'ulama' adalah seperti berikut: (1) Kemurahan hati Baginda semakin bertambah di bulan Ramadhan kerana Allah juga lebih bersifat murah pada bulan yang penuh dengan keberkatan itu. Jika Allah s.w.t. melipat gandakan pahala setiap amalan hamba-hambanya pada bulan tersebut, menentukan satu malam daripada malam-malamnya sebagai malam Qadr yang lebih baik daripada seribu bulan, menutup pintu-pintu neraka, membuka pintu-pintu syurga, membelenggu syaitan dan sebagainya, Nabi s.a.w. juga mengambil langkah yang sama dengan menambahkan lagi kemurahan hati Baginda di bulan berkenaan. (2) Pengaruh sifat Jibril yang sentiasa mendampingi Nabi s.a.w. pada bulan tersebut